

‘Hanya 2 peratus pakai tali pinggang keledar belakang’

Kajian UPM dapati kadar pematuhan turun drastik akibat sikap, kelemahan penguatkuasaan

Oleh Muhammad Yusri Muzamir

yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Universiti Putra Malaysia (UPM) mendedahkan kadar pematuhan pemakaian tali pinggang keledar belakang menjunam kepada hanya dua peratus, ketika ini.

Angka itu mencatatkan penurunan drastik berbanding 20 peratus yang direkodkan beberapa bulan selepas pemakaian tali pinggang keledar belakang dikuatkuasakan, pada 2009.

Dapatan itu berpandukan kajian selidik dilakukan Ketua Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya UPM, Prof Madya Dr Law Teik Hua, di sekitar Semenyih dan Serdang, Selangor, baru-baru ini.

Pakar pemodelan statistik, keselamatan jalan raya dan pengangkutan awam itu berkata, ia dipercayai berpunca akibat sikap individu dan didorong kelemahan tindakan penguatkuasaan.

“Ramai penumpang di belakang beranggapan kerusi pemandu akan bantu (menghalang mereka tercampak keluar dari kenderaan) jika terbabit kemalangan jalan raya. Namun, realitinya bukan begitu.

“Ketika kemalangan berlaku, mangsa (di bahagian belakang kenderaan) mungkin berguling

atau tercampak dan apa-apa boleh berlaku.

“Masyarakat sering bersedih apabila melihat kemalangan, kematian atau kecederaan, namun akan lupa kejadian terbabit selang lima minit kemudian, menyebabkan ramai tidak nampak keperluan dan kepentingan pemakaian tali pinggang keledar,” katanya dalam temu bual pada program Selamat Pagi Malaysia siaran Radio Televisyen Malaysia (RTM), semalam.

Elak tercampak keluar

Peraturan pemakaian tali pinggang keledar tempat duduk belakang dikuatkuasakan melalui Kaedah-Kaedah Kereta Motor (Tali Pinggang Keledar) (Pindaan 2008), mulai 1 Januari 2009.

Pemandu atau penumpang tidak memakai tali pinggang keledar hadapan atau belakang akan disaman maksimum RM2,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan bagi sabitan pertama.

Pesalah berulang pula berdepan hukuman denda maksimum RM4,000 atau penjara maksimum 2 bulan atau kedua-duanya sekali.

Teik Hua berkata, pemakaian tali pinggang keledar mampu mengelak pemandu atau penumpang terbabit kemalangan daripada tercampak keluar dari kenderaan, selain kadar survival sekurang-kurangnya antara tiga hingga lima kali ganda.

“Ada banyak kes kanak-kanak duduk di belakang, tetapi tidak memakai tali pinggang keledar; akhirnya meninggal dunia kerana berlanggar dengan ibu bapa yang duduk di hadapan.

“Katakan jika kita tak pakai tali pinggang keledar belakang ketika kemalangan berlaku, biarpun tidak tercampak keluar dari kenderaan, mangsa akan berlanggar penumpang lain, sama ada di hadapan mahupun belakang kenderaan.

“Jika berat badan mangsa 70 kilogram (kg) dan kelajuan kenderaan ketika kemalangan adalah 90 kilometer sejak (km/j), tekanan (impak daripada pelanggaran) boleh (meningkat) sampai 2,000kg.

“Keadaan ini yang menyebabkan (mangsa tercampak keluar dari kenderaan) dan punca ada ramai orang terbunuh dalam kemalangan, terutama penumpang bas,” katanya.

Beliau berkata, tahap pematuhan dalam kalangan pemandu dan penumpang di bandar turut mencatatkan perbezaan ketara berbanding golongan luar bandar.

“Dari segi usia pula, rakyat lebih berusia lebih sukar mematuhi kerana mereka rasa jalan kampung digunakan setiap hari dan tiada masalah untuk mereka jika tak pakai tali pinggang keledar,” katanya.

“Ada banyak kes kanak-kanak duduk di belakang, tetapi tidak memakai tali pinggang keledar, akhirnya meninggal dunia kerana berlanggar dengan ibu bapa yang duduk di hadapan”



Law Teik Hua,
Ketua Pusat Penyelidikan
Keselamatan Jalan Raya UPM